

VESYCA FILM COATED TABLET

Ranitidine hydrochloride (150mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VESYCA
2. Bagaimana VESYCA berfungsi
3. Sebelum menggunakan VESYCA
4. Cara menggunakan VESYCA
5. Semasa menggunakan VESYCA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VESYCA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan VESYCA

Ranitidine digunakan untuk merawat ulser dan mencegah pendarahan dari ulser dalam perut dan usus. Ia juga merawat keadaan di mana perut menghasilkan terlalu banyak asid dan masalah yang disebabkan oleh asid dalam saluran makanan.

Bagaimana VESYCA berfungsi

Ranitidine berfungsi dengan mengurangkan penghasilan asid dalam perut.

Sebelum menggunakan VESYCA

-Bila tidak boleh menggunakan

VESYCA tidak boleh diambil jika anda sensitif kepada ingredient dalam ubat ini.

-Sebelum menggunakan VESYCA

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

Doktor anda mungkin meminta anda menjalani sesetengah ujian untuk mengesan kanser sebelum mula menggunakannya.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda menggunakan ubat lain, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat yang diambil bersama VESYCA mungkin menyebabkan interaksi sesama sendiri. Ini termasuk:

-Antacid (ubat untuk meneutralkan asid perut)

Cara menggunakan VESYCA

-Berapa banyak harus digunakan

Ulser duodenum dan gastrik: 300mg sehari untuk 4-8 minggu.

Pengekalan: 150mg sebelum tidur.

Sindrom *Zollinger Ellison*: Permulaan amnil 150mg tiga kali sehari, kemudian diselaraskan mengikut individu. Maksimum 6g sehari.

Kanak-kanak 8-18 tahun ambil 150mg 2 kali sehari.

Reflux oesophagitis: Disarankan 150mg dua kali sehari sehingga 8 minggu penggunaan.

Mencegah pendarahan dari ulser tekanan pada orang yang sakit serius atau mencegah pendarahan berulang pada orang yang mengalami pendarahan dari ulser dalam perut dan usus yang sedang dirawat: suntikan mungkin diganti dengan dos oral 150mg dua kali sehari sebaik sahaja permakanan secara oral bermula.

Mencegah sindrom *acid aspiration* : 150mg pada waktu petang disyorkan 150mg sebelum pembiusan dijalankan.

-Bila perlu digunakan

VESYCA perlu diambil mengikut masa yang dicadangkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

VESYCA perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

Semasa menggunakan VESYCA

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan regimen dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Keselamatan penggunaan dalam kehamilan dan penyusuan belum dipastikan lagi.

Dos perlu diselaraskan pada orang yang mempunyai masalah buah pinggang. Orang yang mempunyai masalah hati perlu digunakan dengan berhati-hati. Ubat ini perlu dielakkan pada orang yang mempunyai *porphyria* akut (masalah darah yang jarang, di mana metabolisme darah tidak normal).

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan biasa adalah seperti cirit-birit, pening, keletihan dan ruam.

Kekeliruan yang berbalik, reaksi alahan, sakit sendi, sakit otot, gangguan darah seperti *thrombocytopenia* (kekurangan platelet dalam darah), sakit kepala, ketoksikan hati, dan keradangan dalam pankreas telah dilaporkan.

Tindak balas hipersensitiviti seperti demam, *bronchospasm* (masalah pernafasan) dan tekanan darah rendah sangat jarang dilaporkan dengan penggunaan ranitidine.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan VESYCA

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas kedap udara. Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan..


-Pelupusan

VESYCA perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi anda menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna kuning dan bersalut dengan film. Satu permukaan tablet ada

tanda “”.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-
Ranitidine Hydrochloride
Bahan tidak aktif-
Avicel
Sodium Starch Glycolate
Talc
Magnesium Stearate
Isopropyl Alcohol
Hydroxypropyl Cellulose
Opadry Yellow
Purified Water

-Nombor MAL

MAL19991131AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan , Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/5/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)210416/00119